

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]****SOALAN NO. 46**

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai secara terperinci setiap aset dan liabiliti yang dimiliki Yayasan Wilayah Persekutuan dari tahun 2008 hingga 2018.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai 'Syarikat Berhad Menurut Jaminan' dan bukanlah agensi Kerajaan. Pelantikan Menteri Wilayah Persekutuan sebagai Pengerusi dalam syarikat ini adalah berdasarkan keperluan dalam *Memorandum & Articles of Association* Yayasan Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah aset dan liabiliti kumulatif sejak tahun 2008 – 2018 adalah seperti berikut:-

Tahun	Aset (RM)	Liabiliti (RM)
2008	18,932,293	4,374,657
2009	22,047,912	1,642,158
2010	21,348,957	4,736,003
2011	24,027,757	3,509,682
2012	27,030,180	2,898,682
2013	26,278,447	1,658,449
2014	31,942,064	4,504,641
2015	51,341,501	17,418,559
2016	54,194,202	16,650,741
2017	71,843,599	32,697,900
2018	58,642,711	18,730,821

NO. SOALAN : 46

Aset-aset ini terdiri dari Harta Tetap, Pelaburan di dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu, Pelaburan Usahasama. Manakala harta semasa terdiri daripada penghutang semasa, simpanan tetap dan akaun semasa di bank.

Liabiliti / Tanggungan adalah meliputi bayaran terakru, cagaran diterima, pinjaman pembelian bangunan YWP dan peruntukan cukai.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yayasan Wilayah Persekutuan adalah ditubuhkan untuk melakukan kerja-kerja kebajikan untuk Wilayah Persekutuan. Ia dibenarkan menerima sumbangan dari pihak luar, melakukan perniagaan, melabur dalam sebarang pelaburan termasuk saham dan sebagainya untuk menjana pendapatan. Perbelanjaan yang dibenarkan pula adalah bersifat kebajikan selain daripada pembayaran gaji dan elaun serta sewa untuk operasi.